

06/08/2002

Kerjasama dua hala beri manfaat: Seri Paduka

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia berharap hubungan erat dengan Republik Kyrgyz yang terjalin sejak sedekad lalu akan bertambah kukuh dan berkekalan.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail bertitah usaha sama meningkatkan hubungan dua hala itu sudah menghasilkan banyak manfaat kepada kedua-dua negara.

"Suruhanjaya Bersama Khas Ekonomi yang mengadakan mesyuarat setiap tahun secara bergilir-gilir di ibu negara masing-masing membuktikan kejayaan usaha itu," titah Seri Paduka pada majlis santapan negara meraikan Presiden Republik Kyrgyz, Askar Akayev, di Istana Negara di sini, malam ini.

Turut berangkat pada majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid. Hadir sama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah kerjasama itu menjadi semakin penting memandangkan kedua-dua negara mempunyai cita-cita yang sama untuk membangunkan negara dari segi ekonomi, sosial, sains dan kebudayaan.

"Cita-cita murni ini akan hanya tercapai melalui semangat ketekunan dan kesungguhan yang berterusan. Sesebuah negara yang maju dan berjaya saja mampu menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran bagi rakyat mereka," titah Seri Paduka.

Seri Paduka turut memuji langkah mengadakan penerbangan terus dari Republik Kyrgyz ke Malaysia mulai esok yang akan membuka laluan bagi membolehkan rakyat kedua-dua negara berinteraksi.

"Hubungan seperti ini adalah penting untuk memupuk persefahaman yang lebih mendalam mengenai kebudayaan masing-masing," titah Seri Paduka.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah Malaysia juga mengharapkan kerjasama dan persefahaman Republik Kyrgyz dalam menangani pelbagai cabaran dunia, termasuk ancaman keganasan.

"Apa yang terjadi dalam sebuah negara akan memberi kesan kepada negara lain walaupun berjauhan. Adalah perlu bagi negara yang mempunyai pendirian yang sama mara dengan semangat kerjasama dan setia kawan untuk mengatasi masalah yang kita semua hadapi," titahnya.

Akayev, yang tiba semalam dengan diiringi oleh isterinya Mairam Akayeva serta 62 anggota delegasi, adalah dalam rangka lawatan dua hari ke Malaysia.